



Headline: Hilang RM30,000 dalam satu panggilan
Publication/Portal: Harian Metro
Date: 6 April 2022

Language: Malay
Section: Lokal
Page: 8

Hilang RM30,000 dalam satu panggilan

Melaka: Hanya dengan satu panggilan telefon, seorang jurukimia kerugian RM30,000 selepas mendedahkan maklumat akaun bank serta Kod Pengesahan Transaksi (TAC) kepada sindiket Macau Scam yang menyamar sebagai pegawai bank.

Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Komersial (JSJK) negeri, Superintendan E Sundra Rajan berkata, pihaknya menerima laporan dibuat seorang wanita berkerja sebagai jurukimia pada Sabtu lalu.

Menurutnya, wanita berusia 37 itu menerima panggilan daripada individu menyamar pegawai bank pada 1 April lalu.

"Suspek memaklumkan mangsa mempunyai tunggakan hutang berjumlah RM4,663 selain terdapat transaksi menggunakan namanya.

"Mangsa menafikan pernah membuka akaun di bank berkenaan.

Namun panggilan itu kemudiannya disambungkan kepada pihak Bank Negara Malaysia (BNM) untuk tujuan kemas kini maklumat peribadi.

"Mangsa diminta oleh suspek untuk membeli insurans sebagai perlindungan. Panggilan seterusnya disambungkan kepada seorang 'pegawai polis' yang meminta mangsa menyerahkan maklumat banknya," katanya.

Menurutnya, mangsa tanpa curiga memberikan maklumat pengenalan diri, kata laluan bank berserta TAC kepada suspek.

Sundra Raja berkata, mangsa membuat semakan akaun bank miliknya bagaimanapun terkejut apabila mendapati terdapat pengeluaran wang RM30,000.

"Mangsa kemudian membuat laporan di Balai Polis Air Keroh pada 2 April lalu dan kes siasat mengikut Seksyen 420 Kanun Keseksaan," katanya.

Suspek memaklumkan mangsa mempunyai tunggakan hutang berjumlah RM4,663